

Pembangunan Profil Berasaskan Modal Komuniti Bagi Mendayaupayakan Wanita B40 Di Batu Pahat, Johor

Development of Profile-Based Community Capital to Empower B40 Women in Batu Pahat, Johor

Fauziah Ani^{1*}, S.F Hanisah²

¹ Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Johor, MALAYSIA

² Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor MALAYSIA

*Corresponding Author: fauziah@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2024.06.02.009>

Maklumat Artikel

Diserah: 20 September 2024

Diterima: 30 Oktober 2024

Diterbitkan: 12 Disember 2024

Kata Kunci

Pemeriksaan wanita, B40, modal
komuniti, kemiskinan, pembangunan
profil

Abstrak

Pemeriksaan wanita dalam kalangan kumpulan B40 merupakan salah satu langkah strategik dalam menangani isu kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan komuniti secara keseluruhan. Namun begitu banyak program pemeriksaan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan seringkali tidak bertahan lama disebabkan potensi dan kapasiti mereka tidak sesuai dan tidak dapat dimanfaatkan untuk melaksanakan program tersebut. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan profil wanita B40 di daerah Batu Pahat, Johor, berdasarkan pendekatan modal komuniti yang merangkumi tiga komponen utama: modal ekonomi, modal insan dan modal digital. Pembinaan profil ini adalah penting bagi mengenalpasti kapasiti dan potensi wanita B40. Melalui profil ini, pendekatan yang lebih spesifik dan sesuai dapat diambil untuk memperkasakan wanita dalam kumpulan ini. Menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif, seramai 301 responden wanita B40 dipilih secara rawak mudah untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang mengukur ciri-ciri modal komuniti dengan petunjuk seperti frekuensi, min, sisihan piawai, dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap modal ekonomi responden adalah rendah. Sebaliknya, modal insan responden adalah sederhana hingga tinggi, manakala modal digital berada pada tahap tinggi. Penemuan ini menunjukkan bahawa walaupun wanita B40 mempunyai akses yang baik kepada teknologi digital, mereka masih menghadapi kekangan dalam aspek ekonomi yang menghalang penyertaan penuh mereka dalam pembangunan ekonomi. Justeru itu, kajian ini mencadangkan strategi yang lebih holistik dalam pemeriksaan wanita B40, dengan menumpukan kepada peningkatan kapasiti modal ekonomi sebagai asas untuk mengurangkan kemiskinan secara berkesan. Kajian ini memberikan panduan kepada pihak kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), dan sektor swasta dalam merangka program pembangunan yang lebih sesuai dengan keperluan wanita B40. Melalui pendekatan modal komuniti, inisiatif pemeriksaan wanita B40 dapat diselaraskan dengan

realiti sosial dan ekonomi mereka, sekaligus menyumbang kepada keberkesanan program pembasmian kemiskinan di Malaysia.

Keywords

Women empowerment, B40 women, community capital, poverty, profile development

Abstract

The empowerment of women within the B40 group is a strategic step in addressing poverty issues and enhancing overall community well-being. However, many empowerment programs organized by government agencies often do not last long due to the mismatch between the potential and capacity of the participants and the requirements needed to implement these programs effectively. This study aims to develop a profile of B40 women in the Batu Pahat district of Johor, based on a community capital approach that includes three main components: economic capital, human capital, and digital capital. Constructing this profile is crucial for identifying the capacities and potentials of B40 women. Through this profile, a more specific and appropriate approach can be taken to empower women in this group. Utilizing a descriptive quantitative approach, a total of 301 B40 women respondents were randomly selected to participate in this study. Data were collected through a questionnaire that measures the characteristics of community capital using indicators such as frequency, mean, standard deviation, and percentage. The findings indicate that the respondents' level of economic capital is low. Conversely, the human capital of the respondents ranges from moderate to high, while digital capital is at a high level. These findings suggest that while B40 women have good access to digital technology, they still face economic constraints that hinder their full participation in economic development. Therefore, this study proposes a more holistic strategy for empowering B40 women, focusing on enhancing economic capital as a foundation for effectively reducing poverty. This study provides guidance to government bodies, non-governmental organizations (NGOs), and the private sector in designing development programs that better align with the needs of B40 women. By adopting a community capital approach, initiatives aimed at empowering B40 women can be better aligned with their social and economic realities, thereby contributing to the effectiveness of poverty reduction programs in Malaysia.

1. Pendahuluan

Pemeriksaan wanita dalam bidang sosioekonomi telah menjadi elemen utama dalam agenda pembangunan global dan nasional khususnya dalam mencapai kesaksamaan gender dan pengurangan kemiskinan. Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, SDGs), terutamanya SDG lima, menekankan pentingnya meningkatkan akses wanita kepada sumber ekonomi dan peluang pekerjaan sebagai strategi utama untuk membina masyarakat yang lebih inklusif serta berdaya tahan (United Nations, 2015). Dalam konteks global, terdapat bukti yang kukuh bahawa penglibatan wanita dalam ekonomi bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan tetapi juga memperkukuhkan struktur sosial komuniti, memperbaiki kesejahteraan keluarga serta mengurangkan ketidaksamaan pendapatan (World Bank, 2020). Di peringkat individu, pendayaupayaan wanita dalam aspek ekonomi sering kali diukur melalui keupayaan mereka untuk memperoleh pendapatan sendiri, membina simpanan, memiliki aset serta kebebasan dalam membuat keputusan penting yang berkaitan dengan kesejahteraan keluarga (Ali Shah et al., 2011; Samah, 2006).

Di Malaysia pelbagai program telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi mempromosikan pemerdayaan wanita, terutamanya dalam kalangan wanita B40 melalui inisiatif seperti latihan keusahawanan dan dana mikro. Namun begitu, keberkesanan program-program ini masih menjadi persoalan utama kerana terdapat jurang yang ketara antara jenis bantuan yang diberikan dan keperluan serta kapasiti sebenar penerima bantuan. Ramai wanita B40 yang menerima bantuan mikro tidak mempunyai latar belakang keusahawanan yang mencukupi menyebabkan kesukaran untuk mengekalkan kelangsungan projek yang dimulakan (Rahim et al., 2020). Bantuan yang diberikan pula sering bersifat umum tanpa menilai keperluan khusus individu dari segi tahap pendidikan, pengalaman kerja dan akses kepada teknologi. Keadaan ini menyumbang kepada kadar kegagalan projek yang tinggi, seperti yang dibuktikan dalam kajian Oliver Wyman (2021) yang menunjukkan bahawa 30% hingga 35% projek mikro di Asia Tenggara termasuk Malaysia gagal bertahan disebabkan kekurangan sokongan berterusan dan akses kepada modal tambahan. Kekurangan pemantauan dan sokongan jangka panjang ini menimbulkan cabaran besar dalam memastikan kelestarian program. Tambahan pula pendekatan *top-down* yang sering

diambil dalam pelaksanaan program pemerksaan sosioekonomi wanita B40 menyumbang kepada kegagalan tersebut. Pendekatan ini kurang sensitif terhadap keperluan dan konteks unik komuniti setempat, terutamanya di kawasan luar bandar yang mungkin berhadapan dengan cabaran infrastruktur dan akses pasaran (Rahim et al., 2020). Akibatnya, banyak program keusahawanan yang dilaksanakan tidak relevan dengan realiti semasa komuniti, yang memerlukan penyelesaian yang lebih tersasar dan fleksibel. Dalam menangani isu-isu, kajian ini memberi tumpuan kepada persoalan bagaimanakah modal komuniti dapat dimanfaatkan untuk memperkukuhkan pemerksaan sosioekonomi wanita B40 di Batu Pahat. Persoalan ini penting dalam memahami potensi sebenar yang dimiliki oleh wanita B40 dan cabaran yang mereka hadapi dalam usaha memperbaiki kedudukan ekonomi mereka. Pengkajian mendalam terhadap persoalan ini akan membantu menilai keberkesanan strategi sedia ada dan mencadangkan penambahbaikan yang lebih sesuai dengan realiti komuniti setempat.

Sehubungan itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk membangunkan profil komprehensif wanita B40 di Batu Pahat yang memberi tumpuan kepada tiga komponen utama modal komuniti iaitu modal ekonomi, modal insan dan modal digital. Melalui pembinaan profil kajian bertujuan untuk mengenal pasti dan memanfaatkan potensi serta kapasiti sebenar wanita B40 dalam memperkukuhkan kedudukan sosioekonomi mereka. Dengan tumpuan kepada pendekatan berasaskan modal komuniti, profil ini akan menjadi panduan penting dalam merangka strategi yang lebih berkesan dan berasaskan bukti bagi meningkatkan keberkesanan serta kelestarian program pemerksaan wanita. Strategi yang dicadangkan dijangka lebih relevan dengan keperluan setempat sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan kepada pendekatan *top-down* yang terbukti kurang berkesan. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada usaha pemerksaan wanita B40 khususnya dalam meningkatkan keberkesanan program pemerksaan serta menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi yang lebih mampan dan inklusif di peringkat akar umbi.

2. Sorotan Literatur

2.1 Pendayaupayaan Wanita Miskin

Pendayaupayaan (empowerment) merupakan pendekatan penting dalam membasmi kemiskinan, memberi penekanan kepada peningkatan keupayaan individu dan komuniti untuk mengawal kehidupan mereka. Proses ini memberi ruang kepada golongan miskin untuk mengakses sumber, pengetahuan dan peluang melangkaui hanya aspek ekonom, tetapi juga dimensi sosial, politik, dan personal yang saling berkait (Ibrahim & Alkire, 2007). Wanita miskin adalah kumpulan rentan yang perlu didayaupayakan, sering berdepan dengan ketidaksamaan gender dan keterbatasan akses kepada peluang ekonomi.

Pendayaupayaan wanita menjadi fokus dalam usaha global membasmi kemiskinan, kerana mereka terkesan lebih teruk akibat ketidaksamaan yang mendalam. Melalui pendekatan ini, wanita diberi akses kepada modal, latihan kemahiran, dan sumber lain untuk meningkatkan keupayaan ekonomi mereka. Pendekatan ini juga sering dikaitkan dengan kuasa membuat keputusan dalam keluarga dan komuniti (Kabeer, 1999). Kajian Kabeer (1999) menunjukkan bahawa akses kepada kredit mikro meningkatkan kebolehan wanita untuk memulakan perniagaan kecil. Kajian lain oleh Chowdhury et al. (2019) di India mendapati wanita dengan pendidikan menengah dan ke atas lebih cenderung bekerja dalam sektor formal, meningkatkan pendapatan dan status sosial mereka. Di Kenya, Maina et al. (2020) mendapati wanita yang terlibat dalam program keusahawanan kecil mencatatkan peningkatan 30% dalam pendapatan bulanan mereka.

Cornwall (2016) menyatakan bahawa pendayaupayaan bukan hanya tentang peningkatan kewangan tetapi juga kebebasan dari tekanan sosial. Parveen (2021) di Pakistan mendapati walaupun program pendayaupayaan membantu wanita miskin, cabaran budaya dan sosial seperti patriarki sering menghalang mereka. Di Nepal, kajian oleh Sharma et al. (2018) menunjukkan sokongan komuniti penting dalam memudahkan pendayaupayaan wanita, membantu mereka menghadapi cabaran kewangan dan sosial. Di Malaysia, program mikro kredit seperti yang dilaksanakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) membantu wanita B40 meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan mereka, tetapi keberkesanan bergantung kepada kesediaan penerima untuk mengurus perniagaan kecil (Latip et al., 2021). Namun, pendekatan *top-down* sering gagal mengambil kira keperluan unik penerima menyebabkan bantuan tidak sesuai dengan potensi sebenar mereka (Rahim et al., 2020). Program pemerksaan yang melibatkan sokongan komuniti menunjukkan rangkaian sosial dan bantuan moral memainkan peranan penting dalam memperkasakan wanita luar bandar (Shukeri & Halim, 2018).

Kesimpulannya, pendekatan pendayaupayaan wanita miskin melalui akses kepada modal, pendidikan, dan latihan kemahiran terbukti berkesan dalam meningkatkan keupayaan ekonomi dan kualiti hidup. Namun, cabaran budaya dan struktur sosial seperti patriarki dan ketidaksamaan gender perlu diatasi. Sokongan komuniti dan pendekatan peka terhadap keperluan adalah penting bagi memastikan kejayaan program. Keberkesanan program AIM menunjukkan potensi besar untuk membantu wanita B40, tetapi usaha lebih inklusif diperlukan untuk memecahkan kitaran kemiskinan yang mereka hadapi.

2.2 Modal Komuniti

Modal Komuniti adalah kerangka konseptual yang diperkenalkan oleh Flora dan Flora (2008) untuk memahami bagaimana komuniti terutama di kawasan luar bandar dapat memanfaatkan pelbagai bentuk modal untuk mencapai pembangunan yang seimbang dan mampan. Konsep ini menekankan bahawa pembangunan tidak bergantung hanya kepada modal ekonomi tetapi juga kepada modal sosial, budaya, alam semula jadi, manusia, politik, dan fizikal. Dengan menggabungkan pelbagai bentuk modal ini, komuniti akan lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran dan meningkatkan keupayaan mereka untuk berkembang. Pendekatan ini membantu penggubal dasar dan pengamal dalam mengenal pasti aset yang sedia ada dan merancang penggunaan yang strategik untuk mencapai pembangunan yang inklusif.

Modal komuniti terdiri daripada tujuh dimensi utama, termasuk modal alam semula jadi, budaya, insan, sosial, politik, kewangan, dan infrastruktur. Setiap dimensi memainkan peranan penting dalam menentukan keupayaan sesebuah komuniti untuk membangun dan menghadapi perubahan sosial, ekonomi, dan ekologi. Sebagai contoh, modal alam semula jadi merujuk kepada sumber seperti tanah dan air yang penting bagi kehidupan komuniti, terutama yang bergantung kepada pertanian. Sementara itu, modal budaya mencakupi nilai dan tradisi yang membentuk identiti dan hubungan sosial dalam komuniti.

Penekanan pada modal sosial menunjukkan bahawa hubungan dalam komuniti berfungsi sebagai penghubung yang mengukuhkan daya tahan sosial. Kajian oleh Putnam (2000) menunjukkan bahawa modal sosial meningkatkan kerjasama antara individu, yang membantu memperkukuh daya tahan ekonomi. Dalam konteks ini, Mohamad et al. (2018) mendapati bahawa hubungan erat dalam komuniti mempercepatkan akses kepada maklumat dan peluang ekonomi yang membolehkan golongan wanita mengembangkan perniagaan mikro mereka. Ini menunjukkan bahawa penglibatan sosial yang kuat dapat memacu perkembangan ekonomi.

Modal insan, di sisi lain, merangkumi kemahiran, pendidikan, dan kesihatan individu, yang merupakan faktor kritikal dalam memperkuatkan tenaga kerja. Becker (1964) berpendapat bahawa modal insan adalah aset utama dalam pembangunan ekonomi. Kajian Psacharopoulos dan Patrinos (2018) menunjukkan bahawa peningkatan pendidikan formal secara signifikan menyumbang kepada peningkatan pendapatan individu. Kajian di Malaysia oleh Rahman et al. (2020) menunjukkan bahawa program latihan kemahiran membantu peserta meningkatkan kemahiran dan pendapatan keluarga mereka, menekankan kepentingan modal insan dalam pembangunan komuniti yang mampan.

Modal ekonomi merujuk kepada sumber kewangan yang dapat digunakan untuk aktiviti ekonomi. Kajian Jahanshahi et al. (2019) di India menunjukkan bahawa akses kepada kredit mikro secara signifikan meningkatkan pertumbuhan perniagaan. Di Malaysia, Ismail et al. (2020) mendapati bahawa program pembiayaan mikro memberi dorongan kepada wanita B40 untuk memulakan perniagaan kecil, menggariskan pentingnya modal ekonomi dalam memperbaiki status ekonomi keluarga.

Modal digital, yang merangkumi akses kepada teknologi dan kemahiran digital, semakin menjadi elemen penting dalam memperkasakan komuniti, terutama di kawasan luar bandar. Kajian oleh Chaudhuri et al. (2021) di Bangladesh menunjukkan bahawa wanita dengan akses kepada teknologi digital lebih cenderung untuk berjaya dalam perniagaan mikro. Di Malaysia, Hassan dan Rahim (2022) mendapati bahawa penggunaan *platform* e-dagang membantu wanita meningkatkan pendapatan mereka, walaupun terdapat cabaran dalam literasi digital.

Modal fizikal dan semulajadi juga tidak kurang penting. Modal fizikal merujuk kepada infrastruktur yang menyokong aktiviti ekonomi. Kwon (2019) mendapati bahawa infrastruktur yang baik meningkatkan akses kepada pasaran. Modal semulajadi pula, seperti sumber alam yang boleh dimanfaatkan, memainkan peranan penting dalam kelangsungan ekonomi keluarga. Kajian Campbell et al. (2013) menegaskan bahawa penggunaan sumber semulajadi secara lestari adalah kunci kepada pembangunan yang mampan.

Secara keseluruhan, kajian menunjukkan bahawa setiap elemen modal komuniti menyumbang kepada pembangunan dengan cara yang berbeza, dan penggabungan elemen-elemen ini dalam satu rangka kerja pembangunan yang holistik adalah penting untuk pemerkasaan ekonomi wanita B40. Walau bagaimanapun, keberkesanan setiap elemen bergantung kepada konteks tempatan dan cara ia dimanfaatkan. Dalam kajian ini, modal komuniti yang dikaji hanya menfokuskan kepada modal ekonomi, insan, dan digital.

3. Metodologi

Penyelidikan kuantitatif sinonim dengan data numerik yang dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan ujian statistik. Chua (2006), menyatakan bahawa pengukuran data dalam penyelidikan kuantitatif mengutamakan kesahan dan kebolehpercayaan bagi menguji teori, membina fakta dan mengkaji perhubungan antara pemboleh ubah yang diguna dalam sesuatu kajian. Oleh itu, pendekatan ini digunakan untuk mengukur konsep modal komuniti yang dapat memberi penjelasan potensi dan membina profil berasaskan modal komuniti dalam kalangan wanita di Batu Pahat. Responden adalah terdiri daripada golongan wanita dari keluarga B40 yang tinggal dalam daerah Batu Pahat, Johor. Sehubungan dengan itu, berdasarkan formula Kerjic and Morgan (1970), 301 wanita dari keluarga miskin di Batu Pahat yang mempunyai pendapatan pada dan bawah RM

4360.00 (B40) akan dipilih sebagai sampel menggunakan teknik rawak mudah. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji yang merangkumi ciri-ciri demografi, modal ekonomi, modal insan, modal semulajadi dan modal digital sahaja. Item bagi keempat-empat dimensi (modal ekonomi, modal insan, modal semulajadi dan modal digital) berpandukan kepada modal komuniti yang dibangunkan oleh Flora dan Flora (2008). Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dengan menggunakan SPSS versi 27. Analisis yang digunakan ialah analisis kebolehppercayaan analisis deskriptif. Menurut Sekaran & Bougie (2009), penggunaan statistik deskriptif bagi menghuraikan ciri-ciri responden dengan menggunakan petunjuk seperti frekuensi, min, sisihan piawai, peratusan, varians dan sebagainya adalah sangat penting bagi menerangkan secara logik dapatan kajian agar fenomena yang dikaji dapat difahami.

4. Dapatan dan Perbincangan

Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan profil wanita B40 di daerah Batu Pahat, Johor, berdasarkan pendekatan modal komuniti yang merangkumi tiga komponen utama: modal ekonomi, modal insan dan modal digital.

4.1 Modal Ekonomi

Analisis deskriptif bagi modal ekonomi wanita B40 di Batu Pahat menunjukkan ketergantungan yang ketara pada sumber pendapatan utama. Sebanyak 69.8% responden memperoleh gaji pokok sebagai sumber pendapatan utama mereka. Penyertaan dalam program perlindungan sosial seperti caruman KWSP (53.8%) dan Perkeso (53.8%) turut didapati namun penerimaan elaun dan bonus adalah rendah yang mana-mana masing-masing pada 43.2% dan 46.2%. Keadaan ini mencerminkan ketidakupayaan wanita B40 untuk memperoleh pendapatan tambahan yang dapat menstabilkan kewangan mereka terutama dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi. Dapatan ini sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Morduch & Schneider (2017) yang mendapati bahawa kumpulan berpendapatan rendah cenderung bergantung pada sumber pendapatan utama dan menghadapi kesukaran untuk meningkatkan kestabilan kewangan mereka tanpa pendapatan tambahan. Tambahan pula, hanya 36.9% responden yang mendapat bantuan kewangan luar dan 28.5% bergantung kepada bantuan barang dapur untuk memenuhi keperluan asas. Bantuan luar dilihat sebagai sokongan utama bagi golongan wanita B40 sementara pendapatan sampingan daripada aset seperti sewa rumah, tanah atau kedai adalah sangat terhad dengan hanya kurang daripada 4% responden melaporkan hasil sedemikian. Suryahadi et al. (2010) mendapati bahawa keluarga berpendapatan rendah di negara membangun seringkali kekurangan akses kepada aset yang produktif seperti tanah dan harta yang menjadikan mereka bergantung pada bantuan sosial dan gaji pokok. Dapatan ini memperkukuhkan pandangan bahawa wanita B40 mempunyai akses yang terhad kepada modal ekonomi yang boleh digunakan untuk meningkatkan mobiliti ekonomi mereka.

Dari segi simpanan dan pelaburan, kajian mendapati bahawa 57.5% responden menunjukkan kecenderungan untuk menyimpan manakala 38.5% menerima faedah dan 40.2% memperoleh dividen. Walaupun ini menunjukkan usaha untuk menguruskan kewangan dengan lebih berhati-hati, simpanan ini mungkin tidak mencukupi untuk menghadapi sebarang kejadian kewangan yang tidak dijangka. Banerjee & Duflo (2011) dalam kajian mereka tentang pengurusan kewangan golongan miskin menyatakan bahawa meskipun golongan ini mempunyai niat untuk menyimpan, kadar simpanan mereka seringkali rendah kerana pendapatan mereka lebih banyak digunakan untuk keperluan asas. Dalam konteks kajian ini, 99% responden membelanjakan pendapatan mereka untuk makanan dan minuman manakala 92.7% menanggung perbelanjaan utiliti rumah. Perbelanjaan ini menghalang wanita B40 daripada melabur dalam aspek kewangan lain yang boleh meningkatkan kualiti hidup mereka seperti pendidikan atau latihan kemahiran. Menariknya, kajian ini juga mendapati bahawa 57.8% responden menunjukkan kesedaran terhadap pentingnya insurans, yang menunjukkan mereka menyedari perlunya perlindungan kewangan. Namun, tanpa pendapatan yang mencukupi dan simpanan yang kukuh, perlindungan kewangan ini mungkin tidak dapat menampung risiko kewangan sepenuhnya. Thornton et al. (2010) mencadangkan bahawa walaupun kesedaran terhadap insurans tinggi, golongan miskin seringkali tidak mampu membayar premium, yang menyebabkan mereka kekal dalam risiko kewangan.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap modal ekonomi wanita B40 di Batu Pahat adalah rendah. Ketergantungan yang tinggi pada gaji pokok dan kekurangan pendapatan tambahan atau sumber kewangan sampingan dari aset ekonomi seperti tanah dan perniagaan kecil, memperlihatkan kerentanan ekonomi mereka. Ketidakupayaan untuk mempelbagaikan pendapatan melalui aset atau peluang ekonomi lain menghalang mobiliti ekonomi mereka dan mengekalkan mereka dalam kitaran kemiskinan, seperti yang disokong oleh kajian Suryahadi et al. (2010) dan Banerjee & Duflo (2011). Meskipun terdapat kesedaran terhadap pentingnya perlindungan kewangan, usaha ini belum mencukupi untuk mengatasi kerentanan ekonomi yang mereka hadapi. Kajian ini menegaskan keperluan untuk intervensi bersasar dalam bentuk program peningkatan pendapatan, akses kepada modal, serta latihan pengurusan kewangan seperti yang disarankan oleh kajian terdahulu, untuk meningkatkan kestabilan ekonomi wanita B40.

Jadual 1 *Deskriptif sumber modal ekonomi*

Pendapatan Utama (Bergaji)	Kekerapan	%	Perbelanjaan	Kekerapan	%
1 Gaji (pokok)	210	69.8	18 Makanan/minuman	298	99
2 Elaun	130	43.2	19 Pinjaman rumah	57	18.9
3 Bonus	139	46.2	20 Pinjaman kereta	58	19.3
4 KWSP	162	53.8	21 PTPTN	40	13.3
5 Perkeso	162	53.8	22 Utiliti (bil elektrik, air, internet, telefon , siaran tv berbayar, penapis air)	279	92.7
Harta/ Aset			23 Kesihatan	262	87
6 Sewa rumah	7	2.3	24 Pengangkutan	226	75.1
7 Sewa kedai	0	0	25 Penjagaan Diri	274	91
8 Sewa tanah	10	3.3	26 Insurans	174	57.8
9 Sewa kenderaan	4	1.3	27 Pendidikan	95	31.6
10 Simpanan	173	57.5	28 Penjagaan anak	67	22.3
Pelaburan			29 Percutian	122	40.5
11 Faedah (Simpanan)	116	38.5	30 Zakat	162	53.8
12 Dividen (Simpanan)	121	40.2			
Pindahan Semasa					
13 Pencen	-	-			
14 Pemberian anak-anak	45	15			
15 Bantuan kewangan	111	36.9			
16 Bantuan peralatan	29	9.6			
17 Bantuan barang dapur	85	28.5			

4.2 Modal Insan

Jadual 2, analisis tahap modal insan responden menunjukkan hasil yang menjanjikan dalam elemen pengetahuan, kemahiran, dan minat. Dari segi pengetahuan, responden menunjukkan tahap tinggi dalam bidang praktikal seperti berniaga (97.7%), memasak (99.7%), dan bertani/berkebun (82.7%). Namun, terdapat kelemahan dalam pengetahuan teknikal, dengan hanya 40.9% responden yang memahami kimpalan dan 43.2% dalam bertukang. Dapatan ini konsisten dengan kajian oleh Khamis et al. (2021) yang menunjukkan bahawa pendidikan dan latihan dalam kemahiran teknikal masih rendah dalam kalangan wanita B40. Dalam aspek kemahiran, responden menunjukkan kemahiran tinggi dalam berniaga (81.1%), memasak (99.7%), dan bertani/berkebun (65.8%). Namun, kemahiran dalam kimpalan (hanya 16.6% sangat mahir) dan bertukang (18.6% sangat mahir) menunjukkan perlunya peningkatan dalam bidang ini. Menurut Shamsuddin et al. (2019), penguasaan kemahiran teknikal adalah penting untuk meningkatkan daya saing ekonomi wanita dalam sektor yang berbeza. Dari segi minat, responden menunjukkan minat yang tinggi dalam berniaga (82.4%) dan memasak (91.7%), yang selari dengan kemahiran mereka. Walaupun minat dalam kimpalan (63.5%) dan bertukang (58.5%) juga menunjukkan tahap sederhana hingga tinggi, kemahiran dalam bidang ini masih memerlukan perhatian. Secara keseluruhan, tahap modal insan responden boleh dikategorikan sebagai sederhana hingga tinggi. Pengetahuan dan kemahiran yang baik dalam bidang praktikal disokong oleh minat yang tinggi. Namun, perhatian perlu diberikan kepada bidang teknikal di mana walaupun terdapat minat, pengetahuan dan kemahiran yang rendah menunjukkan peluang besar untuk peningkatan melalui latihan tambahan.

Jadual 2 Deskriptif sumber modal insan

	Pengetahuan, Kemahiran dan Minat							
	Pengetahuan		Kemahiran				Minat	
	Tidak Tahu	Tahu	Sangat Tidak Mahir	Tidak Mahir	Mahir	Sangat Mahir	Tidak Minat	Minat
1 Menangkap Ikan	132 (43.9%)	169 (56.1%)	101 (33.6%)	67 (22.3%)	110 (36.5%)	23 (7.6%)	166 (55.1%)	135 (44.8%)
2 Berniaga	7 (2.3%)	294 (97.7%)	3 (1%)	27 (9%)	244 (81.1%)	27 (9%)	53 (17.6%)	248 (82.4%)
3 Memasak	1 (0.3%)	300 (99.7%)	0	1 (0.3%)	151 (50.2%)	149 (49.5%)	25 (8.3%)	276 (91.7%)
4 Bertukang bot/rumah	171 (56.8%)	130 (43.2%)	91 (30.2%)	131 (43.5%)	56 (18.6%)	23 (7.6%)	176 (58.5%)	125 (41.5%)
5 Kimpalan	178 (59.1%)	123 (40.9%)	168 (55.8%)	60 (19.9%)	50 (16.6%)	23 (7.6%)	191 (63.5%)	110 (36.5%)
6 Memproses hasil laut	172 (57.1%)	129 (42.9%)	162 (53.8%)	16 (5.3%)	98 (32.6%)	25 (8.3%)	183 (60.8%)	118 (39.2%)
7 Bertani/berkebun	52 (17.3%)	249 (82.7%)	65 (21.6%)	12 (4.0%)	198 (65.8%)	26 (8.6%)	144 (47.5%)	157 (52.2%)
8 Kraftangan/ menjahit	79 (26.2%)	222 (73.8%)	25 (8.3%)	58 (19.3%)	191 (63.5%)	26 (8.6%)	143 (47.5%)	158 (52.5%)
9 Urut Tradisional	82 (27.2%)	219 (72.8%)	140 (46.5%)	14 (4.7%)	121 (40.2%)	26 (8.65%)	151 (50.2%)	150 (49.8%)

4.3 Modal Digital

Kajian ini menunjukkan bahawa modal digital wanita B40 di Batu Pahat meliputi peranti fizikal seperti telefon pintar, komputer/laptop, dan tablet serta aplikasi digital seperti *WhatsApp*, *Facebook*, dan perbankan internet. Walaupun tahap pemilikan peranti adalah tinggi, dengan kesemua responden memiliki telefon pintar (100%), pengetahuan dan kemahiran untuk menggunakan peranti ini masih berada pada tahap yang membimbangkan. Dapatan ini konsisten dengan kajian lepas oleh Hilbert (2011), yang menunjukkan bahawa literasi digital yang rendah menghalang golongan berpendapatan rendah daripada memanfaatkan teknologi sepenuhnya, walaupun akses kepada peranti adalah luas.

Pemilikan peranti di kalangan wanita B40 adalah tinggi, terutamanya bagi telefon pintar (100%), diikuti oleh komputer/laptop (90.7%) dan tablet (85%). Tambahan pula, hampir kesemua responden menyatakan bahawa telefon pintar adalah sangat perlu dalam kehidupan mereka selaras dengan perkembangan ekonomi digital. Kebergantungan kepada telefon pintar mencerminkan kepentingan peranti ini dalam komunikasi, akses kepada maklumat dan transaksi harian. Kajian oleh Oyelaran-Oyeyinka & Lal (2006) turut menyokong dapatan ini, menunjukkan bahawa telefon pintar memainkan peranan kritikal dalam menyokong kehidupan harian wanita di kawasan bandar dan luar bandar. Namun, walaupun akses kepada peranti fizikal adalah mudah, pengetahuan dan kemahiran untuk menggunakan peranti ini tidak seimbang. Hanya 60.1% responden yang melaporkan mempunyai kemahiran yang baik dalam menggunakan telefon pintar manakala kurang daripada 55% yang mahir dalam penggunaan komputer/laptop dan tablet. Ini menunjukkan bahawa golongan wanita B40 masih menghadapi cabaran dalam menguasai teknologi, terutamanya dalam komputerisasi yang lebih kompleks. Kajian oleh Pangrazio & Selwyn (2018) menegaskan bahawa akses kepada peranti sahaja tidak mencukupi tanpa disertai peningkatan literasi digital yang mampu mendorong kemajuan ekonomi.

Pemilikan aplikasi digital juga tinggi, terutamanya bagi *WhatsApp* (100%), *Facebook* (100%), dan *Telegram* (98.3%). Walaupun aplikasi ini mudah diakses, tahap kemahiran penggunaan adalah rendah, yang menunjukkan bahawa wanita B40 mungkin tidak sepenuhnya memanfaatkan aplikasi-aplikasi ini untuk tujuan komersial atau keusahawanan. Kajian oleh Van Deursen et al. (2014) menunjukkan bahawa golongan berpendapatan rendah sering menggunakan aplikasi digital untuk hiburan dan komunikasi sosial tetapi jarang menggunakannya untuk pengembangan perniagaan atau pemasaran digital. Ini sejajar dengan dapatan kajian ini, di mana wanita B40 kurang mahir menggunakan aplikasi-aplikasi seperti emel, Instagram, dan perbankan internet, yang penting untuk mengembangkan perniagaan. Dalam era Industri 4.0, kemampuan untuk menggunakan teknologi digital dengan cekap adalah penting untuk berdaya saing dalam ekonomi digital. Penggunaan aplikasi seperti *WhatsApp*, *Facebook*, dan Instagram sebagai *platform* untuk mengiklankan produk dan berhubung dengan pelanggan berpotensi meningkatkan pendapatan wanita B40. Namun, tanpa pengetahuan yang mencukupi, mereka tidak dapat memanfaatkan sepenuhnya potensi teknologi ini untuk menjana pendapatan tambahan. Hilbert (2011) menekankan bahawa literasi digital yang lebih mendalam diperlukan untuk memanfaatkan media sosial sebagai alat pemasaran yang berkesan, selari dengan keperluan perniagaan moden. Program-program seperti Maxis eKelas Usahawan dan *Empowering Women Entrepreneurs @ Batu Pahat* boleh membantu menutup jurang literasi digital ini dengan menyediakan latihan yang lebih fokus kepada pemasaran digital, pengurusan kewangan dan pembangunan jenama. Kajian oleh Banerjee & Duflo (2011) menyarankan bahawa bantuan teknikal dan pendidikan literasi digital adalah penting untuk meningkatkan keupayaan ekonomi golongan berpendapatan rendah melalui penggunaan teknologi digital.

Berdasarkan dapatan ini, tahap modal digital wanita B40 di Batu Pahat boleh dikategorikan sebagai sederhana. Walaupun mereka mempunyai akses yang baik kepada peranti digital dan aplikasi, kekurangan kemahiran dan pengetahuan digital yang mendalam mengekang mereka daripada sepenuhnya memanfaatkan modal digital ini sebagai alat untuk meningkatkan pendapatan dan memperbaiki taraf hidup. Ini menunjukkan keperluan yang mendesak untuk program latihan literasi digital yang lebih tersusun dan komprehensif, agar golongan wanita B40 dapat memanfaatkan teknologi digital secara maksimum dalam dunia ekonomi yang semakin berdaya saing.

Jadual 3 Deskriptif sumber modal digital

Infrastruktur	Pemilikan		Pengetahuan		Kemahiran		Keperluan		Akses	
	Ada	Tiada	Tidak Tahu	Tahu	Tidak Mahir	Mahir	Tidak Perlu	Perlu	Sukar	Mudah
1 Telefon Pintar	301 (100%)	0	120 (39.9%)	181 (60.1%)	120 (39.9%)	181 (60.1%)	0	301 (100%)	0	301 (100%)
2 WhatsApp	301 (100%)	0	125 (41.5%)	176 (58.5%)	120 (39.9%)	181 (60.1%)	0	301 (100%)	0	301 (100%)
3 Telegram	296 (98.3%)	5 (1.7%)	125 (41.5%)	176 (58.5%)	130 (43.2%)	171 (56.8%)	10 (3.3%)	291 (96.7%)	10 (3.3%)	291 (96.7%)
4 Emel	269 (98.3%)	5 (1.7%)	124 (41.2%)	177 (58.8%)	136 (45.2%)	165 (54.8%)	9 (3%)	292 (97%)	14 (4.7%)	287 (95.3%)
5 Facebook	301 (100%)	0	120 (39.9%)	181 (60.1%)	121 (40.2%)	179 (59.7%)	1 (0.3%)	300 (99.7%)	2 (0.7%)	299 (99.3%)
6 Twitter	263 (87.4%)	38 (12.6%)	151 (50.2%)	145 (48.2%)	158 (52.5%)	143 (47.5%)	29 (9.6%)	272 (90.4%)	38 (12.6%)	263 (87.4%)
7 Instagram	286 (95%)	15 (5%)	135 (44.9%)	166 (55.1%)	136 (45.2%)	165 (54.8%)	16 (5.3%)	285 (94.7%)	16 (5.3%)	285 (94.7%)
8 Tik Tok	290 (96.3%)	11 (3.7%)	135 (44.9%)	166 (55.1%)	135 (44.9%)	166 (55.1%)	15 (5%)	286 (95%)	15 (5%)	286 (95%)
9 We Chat	127 (42.2%)	174 (57.8%)	161 (53.5%)	140 (46.5%)	162 (53.8%)	139 (46.2%)	177 (58.8%)	124 (41.2%)	42 (14%)	259 (86%)
10 Youtube	289 (96%)	12 (4%)	126 (41.9%)	175 (58.1%)	146 (48.5%)	155 (51.5%)	11 (3.7%)	290 (96.3%)	13 (4.3%)	288 (95.7%)
11 Blog	130	171	170	131	172	123	176	125	50	251

	(43.2%)	(56.8%)	(56.5%)	(43.5%)	(57.1%)	(40.9%)	(58.5%)	(41.5%)	(16.6%)	(83.4%)
12 Web	270	31	143	158	145	156	21	280	25	276
	(89.7%)	(10.3%)	(47.5%)	(52.5%)	(48.5%)	(51.8%)	(7%)	(93%)	(8.3%)	(91.7%)
13 Komputer / Laptop	273	28	135	166	136	165	19	282	23	278
	(90.7%)	(9.3%)	(44.9%)	(55.1%)	(45.2%)	(54.8%)	(6.3%)	(93.7%)	(7.6%)	(92.4%)
14 Tablet	256	45	150	151	151	150	30	290	31	270
	(85%)	(15%)	(49.8%)	(50.2%)	(50.2%)	(49.8%)	(10%)	(96.3%)	(10.3%)	(89.7%)
15 Perbankan Online	288	13	133	168	133	168	10	290	12	289
	(95.7%)	(4.3%)	(44.2%)	(55.8%)	(44.2%)	(55.8%)	(3.3%)	(96.3%)	(4%)	(96%)

Ringkasnya, profil wanita B40 di Batu Pahat berasaskan modal komuniti diterjemahkan menggunakan analisis SWOT (Kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman). Pendekatan ini membantu memahami potensi yang ada, mengenal pasti cabaran, serta merangka strategi yang sesuai untuk pembangunan komuniti seperti dalam jadual 4 di bawah;

Jadual 4 Profil wanita B40 berasaskan modal komuniti di Batu Pahat, Johor

Komponen	Kekuatan (Strengths)		Kelemahan (Weaknesses)		Peluang (Opportunities)		Ancaman (Threats)	
Modal Ekonomi	i.	Pendapatan utama melalui gaji tetap;	i.	Kekurangan sumber ekonomi sampingan;	i.	Latihan keusahawanan yang lebih bersasar;	i.	Ketidakstabilan ekonomi mengancam kestabilan kewangan;
	ii.	Penyertaan dalam program sosial seperti KWSP dan Perkeso.	ii.	Simpanan terhad;	ii.	Akses kepada pinjaman mikro yang sesuai dengan potensi individu.	ii.	Kekurangan akses kepada modal tambahan.
Modal Insan	i.	Kemahiran tinggi dalam bidang praktikal seperti memasak dan berniaga;	i.	Kurangnya kemahiran teknikal seperti kimpalan dan pertukangan;	i.	Kursus latihan kemahiran teknikal	i.	Persaingan dalam pasaran kerja yang memerlukan kemahiran teknikal khusus;
	ii.	Minat yang tinggi dalam keusahawanan	ii.	Pengetahuan teknikal yang rendah.	ii.	peningkatan kemahiran dalam bidang keusahawanan dan pertanian.	ii.	Ketiadaan peluang latihan kemahiran secara meluas.
Modal Digital	i.	Pemilikan peranti digital yang tinggi (telefon pintar 100%);	i.	Kemahiran digital untuk tujuan ekonomi masih rendah;	i.	Program literasi digital yang menumpukan pada pemasaran digital, e-dagang,	i.	Kemajuan pesat teknologi digital tanpa peningkatan literasi digital boleh menyebabkan mereka ketinggalan.
	ii.	Akses kepada aplikasi komunikasi digital seperti WhatsApp dan Facebook.	ii.	Kurangnya penggunaan aplikasi digital untuk keusahawanan.	ii.	pengurusan kewangan dalam talian.		

5. Kesimpulan

Dapatan kajian ini menyumbang secara signifikan kepada pembangunan profil wanita B40 di Batu Pahat dengan memberikan wawasan mendalam tentang komponen modal komuniti yang mereka miliki. Melalui analisis terhadap modal ekonomi, modal insan, dan modal digital, kajian ini memberikan gambaran komprehensif mengenai potensi dan kapasiti wanita B40, yang membolehkan pemahaman yang lebih baik tentang cara-cara untuk memanfaatkan modal tersebut untuk meningkatkan kesejahteraan mereka.

Dari sudut modal ekonomi, dapatan menunjukkan bahawa wanita B40 berada pada tahap rendah dengan ketergantungan tinggi kepada gaji pokok dan kurangnya sumber pendapatan tambahan. Penemuan ini sangat kritikal kerana ia menekankan keperluan untuk pembangunan profil yang mencerminkan situasi semasa serta keperluan untuk intervensi ekonomi yang lebih baik. Dengan mengidentifikasi kekurangan ini, pihak berkepentingan dapat merancang program yang bersasar untuk meningkatkan pendapatan wanita B40 seperti menyediakan akses kepada pinjaman atau sokongan kewangan yang diperlukan. Modal insan juga menunjukkan bahawa walaupun terdapat kemahiran yang baik dalam bidang tertentu, wanita B40 kekurangan kemahiran teknikal yang lebih khusus. Dapatan ini menyumbang kepada pembangunan profil dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam kemahiran yang dimiliki, seterusnya membolehkan perancangan program latihan yang lebih tersasar. Ini bukan sahaja akan membantu wanita B40 meningkatkan daya saing di pasaran kerja tetapi juga memperkukuh kapasiti mereka untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan. Modal digital menambah dimensi baru kepada profil wanita B40. Dapatan menunjukkan akses tinggi kepada teknologi digital tetapi kemahiran penggunaan yang rendah untuk tujuan ekonomi. Ini mencerminkan peluang untuk memanfaatkan teknologi digital untuk pemasaran. Profil yang dibangunkan dapat menekankan potensi ini dan memberi panduan kepada program-program yang fokus pada pemerikasaan ekonomi berasaskan teknologi. Novelty kajian ini terletak pada pendekatan holistik yang mengintegrasikan analisis pelbagai komponen modal komuniti secara sistematik. Dengan penekanan terhadap modal digital sebagai sumber pemerikasaan ekonomi, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai cara-cara untuk memanfaatkan kekuatan yang ada dalam kalangan wanita B40. Penemuan ini memberikan cadangan yang praktikal dan berfokus untuk pembangunan komuniti, yang dapat membantu meningkatkan taraf hidup wanita B40 dan mengukuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini tidak hanya mengidentifikasi komponen modal komuniti tetapi juga menyediakan kerangka kritikal untuk pembangunan profil wanita B40 yang dapat diambil kira dalam merancang intervensi yang berkesan. Dengan pemahaman yang lebih baik tentang potensi dan cabaran yang dihadapi, pihak berkepentingan dapat merancang program yang lebih bersasar, sekaligus menyumbang kepada pembangunan komuniti secara keseluruhan.

Penghargaan

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan dan membiayai projek melalui Projek Tier 1 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Q526).

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berhubung dengan penerbitan kertas kerja ini.

Sumbangan Penulis

Kesemua penulis telah menyumbang idea dan tenaga dalam menyiapkan kajian ini.

Rujukan

- Ali Shah, S., et al. (2011). Women's empowerment through income generation programs: A case study. *Journal of Development Studies*, 37(3), 78-85.
- Banerjee, A., & Duflo, E. (2011). Poor economics: A radical rethinking of the way to fight global poverty. *Public Affairs*.
- Becker, G. S. (1964). Human capital: A theoretical and empirical analysis, with special reference to education. *University of Chicago Press*.
- Bourdieu, P. (1986). The forms of capital. In J. G. Richardson (Ed.), *Handbook of theory and research for the sociology of education* (pp. 241-258). *Greenwood*.

- Campbell, J., et al. (2013). Social capital and economic resilience: Micro savings in Tanzania. *Journal of Community Development*, 44(1), 120-135.
- Chaudhuri, S., et al. (2021). Digital emt and rural economic growth in South Korea. *Journal of Infrastructure and Rural Development*, 21(1), 75-98.
- Chowdhury, F., et al. (2019). Impact of formal education on women's economic empowerment: A study in India. *Journal of Economic Studies*, 45(2), 223-241.
- Cornwall, A. (2016). Women's empowerment and social change: Beyond the instrumental approach. *Development in Practice*, 26(1), 174-181.
- Flora, C. B., & Flora, J. L. (2008). *Rural communities: Legacy and change* (3rd ed.). Westview Press.
- Gibson, J., & Olivia, S. (2010). The impact of infrastructure on poverty in developing countries: New evidence from Indonesia. *World Development*, 38(6), 828-841.
- Hilbert, M. (2011). Digital literacy and economic development: A global perspective. *Telecommunications Policy*, 35(3), 224-235.
- Ismail, N., et al. (2020). Micro-financing and economic empowerment of B40 women in Malaysia. *Malaysian Journal of Social and Economic Development*, 23(2), 141-156.
- Kabeer, N. (1999). Resources, agency, achievements: Reflections on the measurement of women's empowerment. *Development and Change*, 30(3), 435-464.
- Khamis, N., et al. (2021). Skills and capacity building in technical fields among B40 women. *Journal of Human Capital Development*, 16(1), 81-98.
- Kwon, S. (2019). Infrastructure development and its impact on local communities: A comparative analysis. *Journal of Urban Studies*, 45(3), 145-167. <https://doi.org/10.1234/jus.2019.032>
- Maina, P., et al. (2020). The impact of entrepreneurship programs on the financial independence of poor women in Kenya. *Journal of Entrepreneurship and Development*, 14(2), 89-104.
- Mohamad, S., et al. (2018). Social capital among rural B40 women in Malaysia: A study of economic resilience. *Journal of Rural Development*, 17(3), 244-260.
- Morduch, J., & Schneider, R. (2017). *The financial diaries: How American families cope in a world of uncertainty*. Princeton University Press.
- Oliver Wyman. (2021). Microfinance in Southeast Asia. Oliver Wyman. Retrieved from <https://www.oliverwyman.com/media-center/2021/jan/spglobal--microfinance-in-southeast-asia.html>
- Parveen, M. (2021). Empowerment of poor women in Pakistan through government-led programs. *Journal of Community Development and Empowerment*, 8(3), 189-210.
- Psacharopoulos, G., & Patrinos, H. A. (2018). Returns to investment in education: A decennial review of the global literature. *World Development*, 34(5), 79-103.
- Putnam, R. D. (2000). *Bowling alone: The collapse and revival of American community*. Simon & Schuster.
- Rahim, R., et al. (2020). Challenges in women's economic empowerment: A study on B40 women in Malaysia. *Journal of Poverty Alleviation and International Development*, 11(3), 99-123.
- Rahman, S., et al. (2020). Government training programs and economic empowerment of B40 women in Malaysia. *Journal of Vocational Training and Economic Development*, 14(1), 77-90.

- Shukeri, M. F., & Halim, H. (2018). The role of community support in empowering rural women. *Journal of Social Capital Development*, 12(2), 97-112.
- Sundari, B. (2019). Inclusive policies for women's economic empowerment: A review. *Journal of Social Policy*, 48(2), 333-352.
- Thornton, R. L., et al. (2010). Social security and financial protection in low-income communities. *Economics of Transition*, 18(2), 315-342.
- UN Women. (2021). *Progress of the world's women: Beyond the 21st century*. UN Women Report.
- World Bank. (2020). *Women's economic empowerment: A pathway to gender equality*. World Bank Publications.